

BAB 1

PENGENALAN

1.0 PENDAHULUAN

Dewasa ini, kajian terhadap teks-teks sastra telah banyak dilakukan oleh para pengkaji tempatan. Namun analisis mahupun perbandingan antara teks yang berlainan bahasa dan budaya – sama ada yang dilaksanakan oleh pengkaji bahasa mahupun pengkaji sastra yang membandingkan teks berbahasa Arab dengan teks berbahasa Melayu – masih lagi kurang dan jarang-jarang ditemui.

Berdasarkan tinjauan yang diutarakan oleh para pengkaji kedua-dua bahasa, adalah wajar dilakukan satu kajian perbandingan antara teks daripada kedua-dua bahasa yang besar jumlah penuturnya di Asia ini. Ia juga bersesuaian dengan gagasan sastra bandingan yang mula dipelopori bermula seawal pertengahan kurun ke-20 oleh tokoh-tokoh seperti Paul Van Tieghem, Rene Wellek dan Henry H.H Remak yang melihat kepentingan melakukan perbandingan teks sebagai satu kajian budaya.

Meskipun kajian teks Arab-Melayu adalah tugas yang rumit lantaran ciri-ciri sesebuah teks itu adalah merangkumi tema, pemikiran, sudut pandangan, gaya bahasa, latar, dan pelbagai lagi, namun ia masih boleh dispesifikkan dan memberi manfaat yang besar kepada bidang bahasa dan sastra kedua-dua bahasa jika kajian hanya melibatkan aspek bahasa sahaja.

1.1 PERMASALAHAN KAJIAN

Bahasa adalah aspek paling utama dalam sesebuah teks. Tanpa bahasa, tidak mungkin sesebuah tema, latar, plot, pemikiran dan sebagainya akan terjelma.

Sementara kesusasteraan ialah kesenian yang menggunakan bahasa sebagai alatnya. Perbezaan bahasa sebagai alat seni dengan bahasa sebagai alat komunikasi lain ialah bahasa alat seni itu mengandungi nilai estetik, iaitu nilai yang mengharukan dan membangkitkan perasaan. Jadi tidak saja menyampaikan idea dan maklumat, tetapi penyampaian idea dan maklumat itu menimbulkan rasa keharuan, di samping merangsang daya fikir dan akal.

Bahasa juga berkaitan rapat dengan gaya bahasa yang menjadi tunjang kekuatan estetika sebuah karya sastera. Namun begitu, sesebuah karya tidak mungkin menjadi besar hanya kerana gaya. Keterbalikan daripada itu, karya yang memuatkan isi-isi penting dan utama juga tidak diterima baik jika gayanya tidak menarik.

Bahasa kiasan pula adalah antara ragam-ragam bahasa yang digunakan oleh pengarang dalam menghantar 'suara' komentarnya ke dalam karya. Bentuknya agak rencam kerana teks sastera itu sendiri subjektif sifatnya. Malah kiasan boleh sahaja didatangkan dalam bentuk secara langsung mahupun secara tidak langsung dengan menggunakan teknik bahasa simbolik, satira, paradoks dan pelbagai lagi. Namun, tidak boleh tidak, kajian gaya bahasa sebegini akan meninjau jenis-jenis bahasa kiasan yang begitu signifikan bagi pengarang.

Sememangnya kajian ini adalah kajian yang agak baharu memandangkan kajian-kajian terhadap teks-teks sastera Arab-Melayu sebelum ini adalah masih berkisar tentang struktur karya seperti tema, plot, watak dan perwatakan, latar, dan sudut pandangan –

selain amanat dan wacana pemikiran pengarang. Setakat ini belum ada kajian khusus terhadap bahasa kiasan yang digunakan dalam karya terutama yang membabitkan karya-karya Arab-Melayu, apatah lagi dibuat perbandingan.

Selain itu, kewajaran pemilihan dua pengarang tersohor dari Syria dan Malaysia - iaitu Zakaria Tamer dan Azizi Hj. Abdullah - adalah berdasarkan pencapaian, kekuatan dan kecenderungan masing-masing dalam bidang penulisan prosa, khususnya cerpen. Kedua-duanya juga belum pernah dijadikan bahan kajian perbandingan atau analisis teks Arab-Melayu para pengkaji terdahulu.

Zakaria Tamer adalah penulis tersohor Syria yang lahir di Damsyik pada 1931. Kini menetap di London. Beliau telah menghasilkan ratusan buah cerpen yang terhimpun dalam belasan antologi dan karyanya telah diterjemahkan ke lapan bahasa. Pernah menjadi kolumnis yang aktif dan editor majalah *Al-Mawqif al-Adabiyy* dan *Al-Ma'rifah*. Selain dianggap sebagai pelopor cerpen moden Syria yang melayakkannya menerima anugerah Syrian Order of Merit pada 2001, beliau juga cenderung dengan politik oposisi dan lantang dengan kritikan sosial dalam karya-karyanya.

Sementara Azizi Hj Abdullah adalah pemenang SEA Write Award 1988. Lahir di Kota Kuala Muda, Kedah pada 1942. Banyak memenangi anugerah sastera dalam genre cerpen dan novel di peringkat kebangsaan dan Asia Tenggara. Antara novelnya yang terkenal berjudul *Seorang Tua di Kaki Gunung*, *Ayahanda*, dan *Kawin-kawin*. Pernah bertanding dalam Pilihanraya Umum ke-10 mewakili pihak oposisi. Terkenal dengan lontaran isu-isu sosial dan politik yang sentiasa mewarnai karya-karyanya. Cerpen-cerpennya juga diterjemahkan ke beberapa bahasa asing.

1.2 KAJIAN-KAJIAN TERDAHULU

Kajian analisis perbandingan teks Arab-Melayu adalah kajian yang masih baharu di Malaysia. Belum ramai pengkaji yang menerjukkan diri untuk menggulati bidang kajian ini. Barangkali ia disebabkan kurangnya pengkaji yang mampu menguasai kedua-dua bahasa dan sastera terbabit dengan baik.

Namun, dalam kelompangan itu, Rosni Samah telah mulai mengkaji “Cerita Rakyat: Antara Sastera Arab dan Melayu” pada 1997. Kemudian ia disusuli oleh Rahmah Ahmad H. Osman yang mengkaji “Citra Wanita dalam Cerpen-cerpen Wanita Jordan dan Malaysia (1970-1995): Kajian dan Analisis” pada tahun yang sama. Kajian yang dilakukan untuk memperoleh Ijazah Sarjana di University of Jordan itu bagaimanapun lebih tertumpu kepada kajian berasaskan gender.

Seterusnya, Kathirasan a/l Doraisamy telah menulis kajian bertajuk “Pemikiran Shahnnon Ahmad dan Naguib Mahfouz dalam Novel-novel Pilihan: Satu Perbandingan” untuk memenuhi keperluan Ijazah Doktor Falsafahnya di Universiti Malaya pada 2003. Kajian sastera bandingan yang memfokuskan wacana pemikiran dalam karya ini memilih beberapa novel penting kedua-dua pengarang untuk dikaji seperti *Ranjau Sepanjang Jalan* dan *Awlad Haratina*.

Sementara, Rahmah Ahmad H. Osman pada 2003 yang serius menganalisis teks-teks Arab-Melayu dan perkembangan sastera Islam menulis kajian “Islam and Literature: An Analysis of the Discussions in the Middle East and Malaysia” untuk meraih Ijazah Doktor Falsafah di Universiti London. Kajian ini juga ternyata menjurus kepada bidang sastera bandingan dan analisis sastera Islam.

Selanjutnya kajian perbandingan dalam kedua-dua bahasa ini diteruskan lagi oleh Rosni Samah pada 2004 menerusi kajiannya yang berjudul “Pengaruh Sastera Arab terhadap Sastera Melayu Moden”. Kajian ini lebih menjurus kepada bidang sastera bandingan yang meneliti aspek pengaruh sastera Arab yang lebih awal berkembang terhadap sastera Melayu kontemporari.

Yang terbaru, Pabiyah Toklubok @ Hajimaming pada 2007 telah menganalisis novel-novel Arab-Melayu menerusi kajiannya yang bertajuk “Novel-novel Islami Naguib Kilani dan Shahnnon Ahmad: Satu Kajian Perbandingan antara Teori dan Praktik”. Kajian yang diserahkan untuk memenuhi keperluan Ijazah Doktor Falsafah ini menyorot novel-novel dua pengarang tersebut dari kaca mata teori sastera Islami. 25 buah novel Naguib dan sembilan buah novel Shahnnon telah dianalisis dalam kajian sastera perbandingan ini.

Justeru, jelaslah betapa kajian perbandingan teks sastera Arab-Melayu ini masih lagi kurang berbanding bidang-bidang kajian lain yang membabitkan bahasa Arab seperti sintaksis, *balaghat*, morfologi, leksikologi dan semantik.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Pada dasarnya, penganalisan terhadap bahasa merupakan satu perkara yang agak sukar kerana sifatnya yang subjektif. Apatah lagi untuk mengkaji bahasa kiasan dalam dua bahasa yang berbeza sumbernya.

Justeru, kajian teks Arab-Melayu ini menggariskan objektif-objektif seperti berikut:

1. Untuk mengenalpasti konsep bahasa kiasan dan kedudukannya dalam bahasa Arab dan Melayu
2. Untuk membandingkan istilah jenis-jenis bahasa kiasan dalam kedua-dua bahasa
3. Untuk membuat perbandingan penggunaan bahasa kiasan antara kedua-dua pengarang dalam teks cerpen mereka

1.4 SOALAN KAJIAN

Apabila membicarakan sesebuah karya sastera, pelbagai persoalan boleh ditimbulkan. Namun, memandangkan kajian ini agak spesifik sifatnya dan tertumpu kepada manipulasi bahasa kiasan, kajian ini sebolehnya mencuba untuk menjawab soalan-soalan berikut:

1. Bagaimanakah konsep bahasa kiasan dan kedudukannya dalam bahasa Arab dan Melayu
2. Apakah jenis-jenis bahasa kiasan dalam kedua-dua bahasa?
3. Apakah kecenderungan kedua-dua pengarang dalam menggunakan bahasa kiasan dalam teks cerpen mereka?

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Analisis terhadap kesusasteraan moden semakin rencam. Semua ini bertujuan untuk melihat dan memahami sastera dengan lebih mendalam, jitu, dan dekat dengan cara objektif dan saintifik.

Oleh sebab itu, pengkaji merasakan kajian terhadap teks sastera Arab-Melayu daripada dua orang pengarang besarnya seperti ini sangat penting. Ditambah pula ia lebih menjurus kepada aspek bahasa kiasan dalam karya dua pengarang berlainan bahasa yang sememangnya agak menonjol dan lantang dalam mengkritik isu-isu sosial dan politik di tanah air masing-masing mahupun antarabangsa.

Di samping itu, pengkaji akan meneliti jenis bahasa kiasan yang terdapat dalam kedua-dua bahasa sekali gus membuat perbandingan terutama dari segi istilah, bentuk dan fungsinya. Selain dapat membuat perbandingan bahasa kiasan yang terkandung dalam teks cerpen kedua-dua pengarang, ia dapat memperkayakan lagi kajian-kajian perbandingan teks Arab-Melayu - dalam bidang bahasa dan sastera – yang masih sangat kurang.

Bahkan, semua kajian perbandingan teks Arab-Melayu yang telah terhasil lebih menjurus kepada kajian sastera bandingan. Setakat ini belum ada kajian yang menjurus kepada perbandingan dari segi bahasa kiasan antara kedua-duanya.

1.6 BATASAN KAJIAN

Pada dasarnya, jika dibuat perbandingan bahasa kiasan yang terkandung dalam ilmu retorika Arab dan Melayu, terdapat banyak persamaan yang boleh dikaitkan antara kedua-duanya. Namun kajian ini hanya membataskan perbincangan jenis-jenis bahasa kiasan yang memiliki persamaan yang agak banyak dan signifikan, serta kerap ditemui dalam cerpen-cerpen yang akan dianalisis. Bagi retorika Melayu antara jenis bahasa kiasan yang terlibat seperti *simile*, *metafora*, *personifikasi*, *sinekdoki*, *metonimi* dan *hiperbola*. Sementara bagi retorika Arab, bahasa kiasan yang disentuh ialah *tasybih*, *majaz*, *kinayah* dan *mubalaghat*.

Memandangkan kedua-dua pengarang yang dipilih adalah pengarang mapan yang telah menghasilkan ratusan buah cerpen, justeru kajian ini terbatas kepada sebuah cerpen sahaja bagi setiap penulis. Meskipun hanya melibatkan sebuah cerpen daripada setiap pengarang, namun bahasa kiasan yang digunakan di dalamnya cukup banyak dan beragam bentuknya.

Bagi Zakaria Tamer, cerpennya yang dipilih berjudul *Ya Ayyuha al-Karaz al-Mansiy* yang terkandung dalam antologi *Dimashq al-Hara'iq* (1973).

Sementara bagi Azizi Hj. Abdullah, cerpennya yang dipilih berjudul *Sami Napuh* yang terkandung dalam antologi *Keakuan* (1976) yang mengandungi 20 buah cerpen.

Pemilihan cerpen-cerpen tersebut lantaran kedua-duanya tepu dan kaya dengan bahasa kiasan selain menampilkan kritikan terhadap isu-isu sosial yang tajam menyindir masyarakat. Kedua-dua cerpen juga dihasilkan pada era kegemilangan dan keaktifan mereka menulis cerpen, iaitu pada dekad 70-an.

Selain itu, kajian ini hanya akan menganalisis aspek bahasa kiasan dan yang berkaitan dengannya sahaja dalam perbandingan antara karya kedua-dua pengarang besar ini. Aspek-aspek lain seperti plot, diksi, dan sebagainya tidak akan disentuh.

1.7 METODOLOGI KAJIAN

Demi mencapai matlamat kajian yang lebih komprehensif dan bermanfaat, kajian akan dilakukan berdasarkan kepada:

1.7.1 Kajian Perpustakaan

Untuk mengumpul data, pengkaji membaca kajian-kajian terdahulu yang berkaitan dengan bahasa kiasan. Memandangkan “bahasa kiasan” adalah istilah Melayu, maka konsep bahasa kiasan dalam retorika Melayu perlu diperjelaskan terlebih dahulu berbanding dalam retorika Arab. Setelah diterangkan jenis-jenis bahasa kiasan dalam retorika Melayu dan Arab, pengkaji juga melakukan perbandingan di antara kedua-duanya.

Dalam membuat perbandingan, pengkaji cuba menyorot persamaan atau perbezaan dengan mengutamakan jenis bahasa kiasan yang memiliki persamaan yang agak banyak dan signifikan. Bagi retorika Arab, bahasa kiasan yang disentuh mencakupi keseluruhan Ilm Bayan iaitu *tasybih*, *majaz* dan *kinayah*. Meskipun *mubalaghat* pada dasarnya dikategorikan dalam ‘*Ilm Badi*’, tetapi pengkaji turut menyenaraikannya sebagai salah satu bahasa kiasan Arab yang penting kerana kecenderungan kedua-dua pengarang menggunakannya.

Selain itu, kajian-kajian pengkaji sebelumnya yang berkenaan dengan Zakaria Tamer dan Azizi Hj Abdullah dan karya-karya mereka juga diambil kira.

1.7.2 Analisis Teks

Untuk menganalisis teks, pengkaji terlebih dahulu membaca dan meneliti cerpen-cerpen Zakaria Tamer dan Azizi Hj Abdullah yang terkandung dalam kumpulan cerpen mereka. Pengkaji kemudian memilih sebuah cerpen bagi setiap pengarang. Cerpen yang dipilih adalah berdasarkan kesesuaian tema dan faktor banyaknya gaya bahasa kiasan yang diterapkan oleh kedua-dua pengarang di dalamnya. Analisis dibuat terhadap teks pengarang Arab terlebih dahulu memandangkan gaya bahasa kiasan dalam retorika Arab lebih rencam dan spesifik berbanding retorika Melayu.

1.7.3 Perbandingan Teks

Setelah membuat analisis jenis-jenis bahasa kiasan yang digunakan oleh kedua-dua pengarang dalam cerpen-cerpen mereka, pengkaji akan melakukan perbandingan terhadap teks cerpen Zakaria Tamer dan Azizi Hj Abdullah bagi melihat persamaan dan perbezaan kedua-dua pengarang ini menerusi pendekatan stilistik dalam penggunaan bahasa kiasan daripada segi fungsi, keragaman dan kreativiti.

1.8 RANGKA KAJIAN

Kajian ini akan dibahagikan kepada lima bab, iaitu:

- a) Bab I - Pengenalan
- b) Bab II - Bahasa Kiasan Mengikut Retorika Melayu dan Ilmu Balaghah
- c) Bab III - Latar Belakang Pengarang dan Sinopsis Teks
- d) Bab IV - Analisis dan Perbandingan Teks
- e) Bab V - Rumusan dan Cadangan

Bab pertama mengandungi pengenalan, latar belakang, objektif kajian, soalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, rangka kajian, serta kesimpulan.

Pada bab kedua pengkaji menjelaskan definisi bahasa dan gaya bahasa itu sendiri. Aspek-aspek penting dalam perbincangan bahasa kiasan diberikan takrifan dan contoh yang jelas berdasarkan kajian-kajian terdahulu. Selain itu, perbandingan turut dilakukan antaran gaya bahasa kiasan yang terkandung dalam ilmu Balaghah dan retorika Melayu.

Selanjutnya, pada bab ketiga pengkaji mulai mendedahkan butiran-butiran peribadi kedua-dua pengarang, pencapaian dan pengalaman penulisan serta senarai karya penting mereka dalam pelbagai genre. Bab ini juga membicarakan sinopsis ringkas kedua-dua cerpen yang dipilih.

Sementara pada bab keempat, pengkaji mulai menganalisis teks secara terperinci. Antara aspek yang akan diteliti adalah jenis-jenis bahasa kiasan yang terkandung dalam teks cerpen kedua-dua pengarang. Lanjutan daripada analisis tersebut, pengkaji turut

membuat perbandingan gaya bahasa kiasan antara dua pengarang seraya melihat perbezaan dan persamaan mereka berdua.

Pada bab terakhir, pengkaji membuat rumusan dan kesimpulan terhadap keseluruhan kajian ini. Beberapa cadangan untuk kajian seterusnya turut diutarakan.

1.9 PENUTUP

Gaya bahasa mempunyai ruang lingkup yang luas dan aspek yang akan diteliti dalam kajian ini adalah aspek yang paling menarik iaitu bahasa kiasan. Memandangkan kajian ini adalah kajian analisis dalam dua bahasa iaitu Arab-Melayu, perbandingan gaya bahasa kiasan dalam ilmu Balaghah dan retorika Melayu menjadi prasyarat sebelum mengkaji teks sastera dalam kedua-dua bahasa..

Selain aspek tema dan pemikiran yang sering disorot dalam kajian-kajian terhadap karya sastera, kajian terhadap gaya bahasa sebegini juga menarik dan penting untuk dibincangkan.